



Ruj. Kami: BEND20210107/KB0024
Tarikh: 7 Januari 2021

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

YBhg Dato'/Prof./Tuan/Puan

PELAKSANAAN SISTEM KEWANGAN IFAS DAN SISTEM KEWANGAN BAHARU (FIMS) SECARA SELARI (PARALLEL) MULAI 1 JANUARI 2021

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, sistem kewangan UUM yang baharu (FIMS) telah mula digunakan mulai 1 Januari 2021 secara berperingkat. Sistem ini telah melalui fasa ujian pengguna untuk memastikan masalah yang timbul dapat diatasi dan dibuat penambahbaikan.
3. Walaubagaimana pun bagi memastikan urusan kewangan UUM berjalan lancar dan mengambilkira sistem yang baharu ini masih belum stabil dan perlu dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa sehingga lengkap dan boleh digunakan sepenuhnya, maka Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek FIMS Ke-18 Bil. 1/2021 telah bersetuju supaya semua urusan kewangan perlu dibuat pada kedua-dua sistem (IFAS dan FIMS) secara selari (*parallel*) bagi tempoh tiga (3) bulan yang pertama. Dengan cara yang sebegini proses pengesahan data (*data validation*) bagi setiap urusan kewangan dapat dilakukan dengan lebih mudah dan tepat walau pun ianya sedikit membebankan staf yang terlibat dengan urusan kerja kewangan.
4. Ini bermakna sepanjang tempoh tersebut, bagi setiap urusan kewangan yang dilakukan akan terdapat dua set dokumen yang berbeza dari setiap sistem. Jabatan Bendahari akan sentiasa memantau untuk memastikan setiap urusan kewangan di PTJ dibuat pada kedua-dua sistem berkenaan. Jabatan Bendahari hanya akan memproses urusan kewangan yang lengkap bagi kedua sistem semasa pelaksanaan sistem kewangan secara selari ini.

Kerjasama YBhg Dato'/Prof./Tuan/Puan amatlah dihargai bagi memastikan sistem kewangan yang baharu ini dapat digunakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah



(EYLANI AHMAD)

Bendahari

Universiti Utara Malaysia

s.k. Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim
Pengarah UUMIT

Dr. Nur Hani Zulkifli Abai
Pengurus
E-Management